

**SIARAN SEGERA****SWM ENVIRONMENT DENGAN KERJASAMA SWCORP DAN MPHTJ AKTIFKAN OPERASI PEMBERSIHAN KHAS DI TAMAN JATI, BATU BERENDAM**

---

**MELAKA, 16 JULAI 2020** – Syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Melaka, SWM Environment Sdn Bhd telah melaksanakan Operasi Pembersihan Khas di Taman Jati, Batu Berendam di sini hari ini.

Pengurus Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan SWM Environment, Dr Al’Ashari bin Othman berkata, operasi dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) itu bertujuan membanteras masalah longgokan sampah pukal yang dibuang di tempat tidak sepatutnya di kawasan tersebut.

“Operasi pembersihan khas ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat sosial (CSR) SWM Environment bagi memastikan kebersihan persekitaran selain mendidik orang ramai mengenai tabiat pengurusan sisa pepejal dengan betul.

“Seramai empat orang pekerja SWM Environment terlibat dalam operasi ini dengan sokongan jentera iaitu sebuah jentolak dan sebuah lori Roll-On-Roll-Off (RORO) untuk membersihkan longgokan sampah di kawasan ini,” katanya.

Turut hadir dalam operasi itu ialah Pengarah SWCorp Negeri Melaka, Tuan Khairuladha Ab Mutalib; Pengurus Operasi Negeri Melaka SWM Environment, Khaw Su Aun dan Ahli Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Encik Lee Chong Guan.

Dr Al’Ashari turut menyeru orang ramai agar bekerjasama membanteras masalah sampah haram di Melaka bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai status negeri paling bersih.

"Orang ramai digalakkan memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan SWM Environment terutamanya kutipan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula. Jika ada sebarang aduan boleh hubungi talian 06-335 9000 atau 06-335 1101," katanya.

Katanya lagi, SWM Environment juga sedang mempergiatkan amalan kitar semula melalui program *KITAREcycle* iaitu aplikasi yang membolehkan orang ramai mengumpul mata ganjaran dan menebus nilai secara tunai melalui perbankan dalam talian.

“Orang ramai boleh mendaftar sebagai ahli melalui aplikasi KITAREcycle yang dimuat turun dari Google Play atau di laman web [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com),” katanya.



**SWM ENVIRONMENT**

## **FAKTA**

### **SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Noor Che Wah Ramli**

**Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat**

**SWM Environment Sdn Bhd**

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117

(Emel) [wah.ramli@swmsb.com](mailto:wah.ramli@swmsb.com)